

# Kuan Yew patut tahu sensitiviti rakyat jiran

MELAKA 3 Okt. - Sebagai pemimpin veteran, Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew sepatutnya lebih peka dan tahu menghormati sensitiviti rakyat serta pemimpin negara jiran dengan tidak mengeluarkan kenyataan yang berbentuk provokasi.

Menurut Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam, perkara ini tidak sepatutnya berlaku dan ia wajar menjadi pengajaran agar hubungan baik selama ini tidak dikeruhkan dengan kenyataan yang boleh menyinggung mana-mana pihak.

"Soal minta maaf sepatutnya tidak timbul jika Menteri Mentor Singapura itu tidak mengeluarkan kenyataan yang boleh menyinggung perasaan pemimpin dan rakyat Malaysia serta Indonesia," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas surat permohonan maaf daripada Kuan Yew kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung dakwaan beliau bahawa masyarakat Cina di Malaysia dipinggirkan secara sistematik.

Kuan Yew dalam surat penjelasan kepada Abdullah telah meminta maaf kerana kenyataannya itu telah menyebabkan ketidakselesaan kepada Perdana Menteri.

Katanya, perkara itu tidak langsung diingini beliau selepas melalui hubungan bermasalah selama sedekad dengan pemimpin sebelum Abdullah (Tun Dr. Mahathir Mohamad).

Mengulas lanjut Mohd. Ali yang juga Ketua Menteri Melaka menyokong pendirian tegas Perdana Menteri berhubung isu tersebut.